

**SEJARAH TUNTUTAN FILIPINA (KESULTANAN
SULU) KE ATAS SABAH
(1962-2013)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH TUNTUTAN FILIPINA (KESULTANAN
SULU) KE ATAS SABAH
(1962-2013)**

NURUL LIYANA FARAHANI BINTI RAZALI

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH TUNTUTAN FILIPINA (KESULTANAN SULU) KE ATAS SABAH (1962-2013)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NURUL LIYANA FARA HANI BINTI RAZALI**, Sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NURUL LIYANA FARA HANI BINTI RAZALI
BA19110746

(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh : 12 Ogos 2022

EKO PRAYITNO JOKO
Pensyarah Program Sejarah
Fakulti Kemajuan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

(Encik Eko Prayitno Joko)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.



12 Ogos 2022

Nurul Liyana Farahani Binti Razali
BA19110746



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NURUL LIYANA FARAHANI BINTI RAZALI**
NO.MATRIKS : **BA19110746**
TAJUK : **SEJARAH TUNTUTAN FILIPINA (KESULTANAN SULU) KE ATAS SABAH (1962-2013)**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **SEJARAH**


DISAHKAN OLEH;

PENYELIA UTAMA

Encik Eko Prayitno Joko



Tandatangan


EKO PRAYITNO JOKO
Pensyarah Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang"

Alhamdulillah puji dan syukur kepada Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW kerana atas limpah dan juga kurnia-Nya tesis ini dapat dilengkapkan serta diselesaikan dengan sepenuhnya kerana tanpa izin-Nya, tesis ini tidak akan berjaya dihasilkan dengan jayanya. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Encik Eko Prayitno Joko selaku penyelia kajian kerana telah membimbing, menasihati serta memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah program Sejarah kerana banyak memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ini berlangsung.

Rasa syukur yang tidak terhingga juga di atas kasih sayang Allah SWT yang telah mengurniakan ibu iaitu Fadzilah binti Hasan dan ayah iaitu Razali @ Sahazali bin Wahit yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan diri dari kecil sehinggalah sekarang dan telah banyak memberi sokongan serta dorongan sepanjang tempoh pengajian saya daripada peringkat rendah sehinggalah ke peringkat Universiti. Tidak lupa juga kepada adik beradik dan juga saudara mara yang sering memberi kata-kata semangat serta dorongan dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan buat rakan-rakan karib, rakan-rakan seperjuangan program Sejarah serta insan-insan istimewa kerana banyak memberi dorongan, tunjuk ajar, perkongsian ilmu pengetahuan serta memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh menghasilkan tesis ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penghasilan tesis ini. Tanpa dorongan serta doa daripada semua pihak, tesis ini tidak mampu untuk diselesaikan dengan jayanya. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang kalian berikan.

Nurul Liyana Farahani Binti Razali

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian berbentuk ilmiah ini adalah berkaitan dengan sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehinggalah tahun 2013. Kajian ini telah menyetengahkan tiga objektif utama iaitu menelusuri sejarah pemilikan wilayah Pantai Timur Sabah terhadap Kesultanan Sulu, membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam konteks sejarah dan perundangan dan membahaskan kesan langsung tuntutan Filipina ke atas Sabah. Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, metod kajian yang telah digunakan ialah kaedah kualitatif yang mana kaedah ini amat sesuai digunakan dalam menerangkan sesuatu yang berkaitan dengan sejarah. Dari segi penggunaan sumber pula, kajian ini telah menggunakan dua jenis sumber iaitu sumber primer dan juga skunder. Dapatan kajian ini telah mendapati bahawa penuntutan ke atas Sabah amat jelas dilihat telah memberi impak yang amat besar dalam aspek politik, ekonomi dan juga sosial. Penuntutan yang dilakukan ini telah bermula apabila termaterainya perjanjian yang dilakukan oleh pihak British dan juga Sulu pada 22 Januari 1878 yang dikenali sebagai Perjanjian Pajakan 1878. Penuntutan ini telah dimulakan oleh waris-warisan Sultan Sulu yang telah mendakwa bahawa Kesultanan Sulu mempunyai hak dan juga kuasa ke atas Sabah suatu ketika dahulu. Oleh hal yang demikian, mereka telah melakukan pelbagai usaha serta mengatur beberapa strategi untuk melakukan penuntutan semula ke atas Sabah. Mereka juga telah menggesa serta mendesak Republik Filipina dengan menggunakan akhbar tempatan Filipina agar memberi sokongan serta dorongan terhadap tuntutan yang mereka lakukan. Republik Filipina juga dipaksa untuk menjadikan tuntutan ke atas Sabah sebagai polisi negara agar penuntutan tersebut tidak dilupakan mahupun diendahkan. Keadaan tersebut telah menyebabkan Filipina mengorak langkah untuk melakukan penuntutan ke atas Sabah sehingga menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Dalam usaha untuk melakukan penuntutan Sabah, beberapa insiden bersejarah telah berlaku sehingga meragut banyak nyawa dan diingati sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Tuntutan ke atas Sabah, Kesultanan Sulu, Perjanjian 1878, Republik Filipina, Malaysia

ABSTRACT

HISTORY OF PHILIPPINE CLAIMS (SULTANATE OF SULU) IN SABAH (1962-2013)

This scholarly study is related to the history of the Philippines' claim over Sabah from 1962 until 2013. This study has highlighted three main objectives which are to trace the history of ownership of the East Coast of Sabah to the Sultanate of Sulu, discuss the Philippines' claim over Sabah in a historical and legal context and debated the direct impact of the Philippines' claim on Sabah. In an effort to produce this study, the research method that has been used is a qualitative method which is very suitable for explaining something related to history. In terms of the use of sources, this study has used two types of sources, namely primary and secondary sources. The findings of this study have found that the prosecution of Sabah is clearly seen to have had a huge impact in political, economic and social aspects. This prosecution started when the British and Sulu parties signed an agreement on January 22, 1878 known as the 1878 Lease Agreement. This prosecution was initiated by the heirs of the Sultan of Sulu who claimed that the Sultanate of Sulu had the right and authority to over Sabah once upon a time. As such, they have made various efforts and organized several strategies to reclaim Sabah. They have also urged and urged the Republic of the Philippines by using the local Philippine press to give support and encouragement to their demands. The Republic of the Philippines is also forced to make the claim on Sabah a national policy so that the claim is neither forgotten nor ignored. The situation has caused the Philippines to take steps to prosecute Sabah, causing various reactions from various parties. In an effort to prosecute Sabah, several historic incidents have occurred that claimed many lives and are remembered to this day.

Keywords: Claims to Sabah, Sultanate of Sulu, Treaty of 1878, Republic of the Philippines, Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	ix
SENARAI FOTO	x
SENARAI SIMBOL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Sorotan Literatur	7
1.4.1 Bentuk perjanjian penyerahan yang dilakukan oleh Sultan Jamalul Alam dengan Baron de Overback serta Alfred Dent	8
1.4.2 Alternatif yang dilakukan oleh Filipina untuk menuntut semula Sabah	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	14
1.6.1 Skop Bidang	14
1.6.2 Skop Tempat	14
1.6.3 Skop Tahun	15
1.7 Metodologi Kajian	15
1.8 Struktur Bab	16
1.9 Kesimpulan	18
BAB 2 SEJARAH PENUNTUTAN SULTAN SULU KE ATAS SABAH	19
2.1 Pengenalan	19

2.2	Struktur politik Sabah sebelum penjajahan British	20
2.3	Perang Chermin: satu peristiwa, dua peristiwa dalam pemilikan Sabah	26
2.4	Kesultanan Sulu dan Sabah: hubungan tradisi yang berkesinambungan	30
2.5	Tuntutan Sultan Sulu ke atas Sabah	35
2.7	Kesimpulan	41
BAB 3	TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Dasar luar Filipina dan pendiriannya terhadap Sabah	44
3.3	Propaganda akhbar Filipina terhadap isu tuntutan Filipina ke atas Sabah	46
3.4	Pengaruh waris-waris Sultan Sulu terhadap polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah	53
3.5	Tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah	56
3.6	Kesimpulan	64
BAB 4	KESAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH	66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Reaksi kerajaan Britain dan Tanah Melayu terhadap tuntutan Filipina	66
4.3	Reaksi kerajaan negeri Sabah terhadap tuntutan Filipina	68
4.4	Peristiwa Jabidah: reaksi Filipina merampas Sabah daripada Malaysia	70
4.5	Peristiwa Tanduo: reaksi Filipina merampas Sabah daripada Malaysia	77
4.6	Pemutusan hubungan diplomatik Malaysia ke atas Filipina	80
4.7	Kesimpulan	83
BAB 5	RUMUSAN	85
	SENARAI RUJUKAN	90
	LAMPIRAN	96

SENARAI PETA

			Halaman
Peta 1.1	:	Negara-Negara Asia Tenggara	1
Peta 1.6.2	:	Pantai Timur Sabah	14
Peta 2.2	:	Kedudukan Sabah	21



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.5.1 : Sultan Jamalul Kiram II	36
Foto 2.5.2 : Waris-waris Sultan Sulu	40
Foto 3.3.1 : Propaganda akhbar Filipina	47
Foto 3.3.2 : Napoleon G.Rama	50
Foto 3.3.3 : Jovito Salonga	52
Foto 3.5 : Akhbar Filipina menyiarkan Isu pertikaian ke atas Sabah	62
Foto 4.4 : Tragedi Jabida 1968	75
Foto 4.5 : Peristiwa Tanduo di Lahad Datu, Sabah	78



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL

\$: Dolar



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ASA	:	<i>Association of Southeast Asia</i>
ASEAN	:	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
ATM	:	Angkatan Tentera Malaysia
BIMP-EACA	:	<i>The Brunei Darussalam Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area</i>
BNBC	:	<i>British North Borneo Company</i>
DUN	:	Dewan Undangan Negeri
ICJ	:	<i>International Court of Justice</i>
KPN	:	Ketua Polis Negara
MAPHILINDO	:	Malaysia, Filipina, Indonesia
MINSUPALA	:	Mindanao, Sulu, Palawan
PAT	:	Panglima Angkatan Tentera
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
RSA	:	Tentera Diraja Sulu
SEATO	:	<i>Southeast Asia Treaty Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Laporan Turnitin	96
Lampiran B : Dayang Dayang Hadji Piandao	97
Lampiran C : Peristiwa Tanduo	98
Lampiran D : Pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah	99
Lampiran E : Perbincangan tuntutan ke atas Sabah	100
Lampiran F : Perbincangan aset Sabah yang dirampas	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Era pasca kolonialisme yang berlaku di Asia Tenggara merupakan satu fasa yang amat penting yang mana era ini telah membawa kepada berlakunya pembentukan negara bangsa yang mengutamakan jaringan serta hubungan dengan negara luar, jati diri bangsa, kebudayaan dan juga pengukuhan sempadan politik.

Peta 1.1: Negara-negara Asia Tenggara



Sumber:

<https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/179initiatives/1065-association-of-southeast-asian-nations-asean-cooperation-initiatives> (2022)

Kewujudan persaingan dalam kalangan negara-negara serantau merupakan salah satu elemen yang penting bagi meluaskan serta mengukuhkan lagi sempadan politik negara masing-masing. Justeru itu, penuntutan semula terhadap wilayah-wilayah yang pernah dimiliki dan berada di bawah naungan sesebuah kerajaan sebelum berjaya mencapai kemerdekaan merupakan salah satu inisiatif yang sering

digunakan bagi menjayakan ideologi yang dihasratkan pada ketika itu.¹ Hakikat ini terbukti selepas terbentuknya negara dan bangsa di Asia Tenggara sehingga menyebabkan munculnya beberapa tuntutan wilayah antaranya Malaysia dengan Indonesia, Malaysia dengan Filipina, Malaysia dengan Brunei dan banyak lagi.

Dalam konteks tuntutan Filipina ke atas Malaysia, ia dapat ditelusuri melalui tindakan Filipina dalam menuntut semula Sabah atau lebih dikenali sebagai Borneo Utara daripada Kerajaan British dan juga Malaysia. Faktor sejarah dan perundangan merupakan aspek yang paling utama yang telah menjadi asas sandaran Filipina melakukan penuntutan semula ke atas Sabah. Perjanjian penyerahan wilayah Sabah pada tahun 1704 yang dilakukan oleh Sultan Brunei dan juga Sultan Sulu merupakan faktor utama yang membawa kepada bermulanya penuntutan tersebut. Penuntutan ini telah dilakukan dengan penyerahan sebahagian wilayah Sabah daripada Utara sehinggalah ke Barat Kimanis.

Di samping itu, terdapat tiga peristiwa penting yang dapat disandarkan kepada pemilikan ke atas wilayah Pantai Timur Sabah sehinggalah ke Barat Kimanis. Antara peristiwa penting tersebut ialah Perang Chermin yang berlaku di antara Sultan Abdul Mubin dengan Sultan Muhyiddin (1660-1673), perjanjian Belanda yang dilakukan dengan Kesultanan Bulungan (1850) dan juga Perjanjian 1878 yang telah dilakukan oleh pihak British iaitu Baron Von Overbeck dan Alfred Dent dengan sultan Sulu iaitu Sultan Jamalul Alam. Dalam menelusuri hal yang berkaitan dengan hak kepemilikan wilayah Pantai Timur Sabah, ia dapat dilihat melalui sikap Filipina yang terlalu bergantung dengan dokumen British yang mana dokumen tersebut bertujuan untuk mengesahkan tuntutan yang telah mereka lakukan. Walau bagaimanapun, kewujudan sumber dokumen Kesultanan Brunei telah menyebabkan fakta yang telah digunakan oleh Filipina tidak mampu untuk menyakinkan pelbagai pihak.² Selain itu, apabila sumber Belanda yang berhubung secara langsung dengan Kesultanan Bulungan ditelusuri, ia telah mendapati

¹ Graham Evans & Jeffrey Newnham, *The Penguin Dictionary of Internatioan Relations*, London: Penguin Books, 1998, hlm. 24.

² Eko Prayitno Joko, Isu Pemilikan Pantai Timur Sabah: Satu Penelusuran Daripada Sudut Sumber Sejarah, *Jurnal Kinabalu*, **Vol. 20**, 2020, hlm. 7.

bahawa wujudnya percanggahan fakta berkaitan dengan isu tersebut. Perkara tersebut telah disokong lagi oleh dokumen sejarah yang mengatakan bahawa Sabah pada mulanya merupakan hak milik Kesultanan Brunei. Hal tersebut dapat dibuktikan melalui Historiografi Melayu Brunei yang telah mencatatkan bahawa Keseluruhan pesisir teluk rantau Pulau Brunei atau lebih dikenali sebagai Borneo dan juga pulau-pulau Filipina yang pernah dikuasai serta dinaungi oleh Kesultanan Brunei ketika berada di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1362-1402). Hal tersebut telah diperkukuhkan lagi oleh Salasilah Raja-raja Brunei yang telah mengatakan bahawa Brunei pernah menaungi seluruh wilayah Brunei sehinggalah ke Sambas, Sarawak, Sadong dan juga Kelaka.³

Justeru itu, ketika Filipina mencapai kemerdekaan pada tahun 1946, Republik Filipina tidak membuat sebarang tuntutan rasmi ke atas Sabah sehinggalah tahun 1962. Pada tempoh tersebut, kedaulatan serta keutuhan Sabah pada masa itu masih lagi terjamin walaupun tuntutan yang telah dilakukan oleh Sultan Sulu dan juga warisnya sudah bermula. Tuntutan ke atas Sabah telah dijadikan oleh mereka sebagai satu asas yang berpunca daripada perjanjian yang telah ditandatangani oleh dua pihak iaitu pihak British dan juga Sultan Sulu pada 22 Januari 1878. Waris-waris Sultan Sulu telah menyifatkan perjanjian tersebut sebagai bersifat pajakan atau sementara dan bukan penyerahan selamanya. Kesultanan Sulu telah melakukan pelbagai cara untuk melakukan penuntutan ke atas Sabah, namun usaha tersebut masih berdepan dengan kegagalan kerana mereka tidak mampu untuk membuka mata Filipina dalam memberi sokongan serta bantuan ke atas tuntutan yang mereka lakukan.

Pada Jun 1962, Presiden Macapagal telah mengatakan hasratnya untuk melakukan penuntutan semula ke atas Sabah. Namun, pada masa tersebut Filipina masih belum mengkaji secara teliti lagi berkaitan dengan kes tuntutan yang mereka lakukan. Oleh hal yang demikian, Macapagal telah mengorak langkah dengan menghantar *aide-memoire* kepada British pada 22 Januari 1962 dengan harapan dapat mewujudkan sebuah jawatankuasa yang akan menyelesaikan isu penuntutan

³ Eko Prayitno Joko, *Isu Pemilikan Pantai Timur Sabah: Satu Penelusuran Daripada Sudut Sumber Sejarah...*, hlm. 8.

ke atas Sabah.⁴ Justeru itu, dalam masa yang sama, Filipina telah mempergiatkan lagi usahanya untuk mengumpul dokumen dan juga mencari bukti yang secukupnya agar mereka mempunyai kebolehan yang tinggi untuk menuntut semula Sabah. Penyelidikan yang dilakukan telah diketuai oleh Diasdado Macapagal semenjak tahun 1950 sehingga tahun 1961.

Berkaitan dengan isu tuntutan Sultan Sulu ke atas Sabah, beberapa sarjana seperti Treacher (1891), Tregonning (1956), Gudgeon (1913), Mohd Ariff (1988), Mat Zin (2014) dan banyak lagi telah mengatakan bahawa Sabah merupakan milik hak mutlak Malaysia. Hal tersebut telah disokong lagi apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menubuhkan Suruhanjaya Cobbold yang berfungsi untuk mengumpul pandangan penduduk Sabah sama ada mereka bersetuju atau sebaliknya untuk membentuk Gagasan Malaysia. Hasil daripada pungutan suara tersebut telah memperlihatkan bahawa majoriti penduduk Sabah bersetuju untuk menjadikan negara mereka sebahagian daripada Malaysia dan mencapai kemerdekaan melalui Malaysia.⁵ Isu berkaitan dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah ini telah dilakukan oleh Filipina pada tahun 1962 lagi sebelum Pembentukan Malaysia sehinggalah pada tahun 1998.⁶ Walau bagaimanapun, isu ini telah muncul semula pada tahun 9 Februari 2013 yang mana telah tercetusnya pencerobohan tentera Sulu di Lahad Datu yang dikenali sebagai Peristiwa Tando atau Tragedi 923.⁷ Penuntutan tersebut telah dilakukan semula disebabkan oleh perjanjian Pajak 1878 yang dilakukan oleh pihak Sulu dan British sehingga menyebabkan Raja Muda Agbimudin Kiram yang merupakan adik kepada Jamallul Kiram III dan Ismael Kiram III serta individu yang mendakwa diri mereka sebagai waris

⁴ Antara badan-badan yang terlibat secara langsung dalam mengkaji kes tuntutan ke atas Sabah ialah Orendain yang meminta pertolongan daripada *Department of Foreign Affairs* (DFA), Menteri Simeon Roxas, ahli kongres Salonga dan duta Filipina Quintero serta diikuti dengan pelantikan sekumpulan pakar khas oleh DFA, *Ibid.*, hlm. 142.

⁵ Hamdan Aziz, Syahrin Said, Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan Dari Perspektif Sejarah dan Perundangan, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, **Vol. 9**, No.2, 2016, hlm. 280.

⁶ Norizan Binti Kadir, Danny Wong Tze Ken, Kempen dan Propaganda Akhbar Tempatan Filipina Terhadap Isu Tuntutan ke Atas Borneo Utara, 1961-1963, *Journal of the Department of History*, 2017, **Vol. 44**, No. 1, hlm. 81.

⁷ Bilcher Bala, Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Ke atas Negeri Sabah, 1673-2013, *Universiti Malaysia Sabah*, 2015, hlm. 1.

Kesultanan Sulu melakukan penuntutan semula ke atas Sabah dengan cara melakukan penyerangan.

Pencerobohan tersebut amat jelas menunjukkan bahawa Filipina tidak pernah berputus asa dalam menuntut semula Sabah sebagai tanah jajahannya. Isu ini juga sebenarnya masih wujud pada masa kini, namun mereka hanya melakukan beberapa langkah yang selamat untuk menuntut semula Sabah tanpa melakukan sebarang pencerobohan bagi memastikan hubungan diplomatik Malaysia dan juga Filipina masih terjaga. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menelusuri berkaitan dengan isu penuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehingga tahun 2013.

1.2 Permasalahan Kajian

Isu kedaulatan ke atas Sabah diibaratkan seperti “duri dalam daging” yang mana ianya telah memberi implikasi kepada hubungan diplomatik kedua-dua negara iaitu Filipina dan juga Malaysia semenjak Filipina mengumumkan tuntutan secara rasmi ke atas Sabah pada tahun 1962. Filipina berpendapat bahawa agendanya untuk melakukan penuntutan semula ke atas Sabah adalah lebih penting daripada mementingkan hubungan luarnya dengan Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak ada satu pun persetujuan yang muktamad telah berjaya dilakukan oleh Filipina dan juga Malaysia dalam usaha untuk menghentikan pertikaian yang berlaku. Hal tersebut telah memberi impak kepada hubungan dua hala kedua-dua negara tersebut sehingga menyebabkan terjejasnya hubungan bilateral dan multilateral yang meliputi aspek politik dan juga ekonomi bagi kedua-dua negara tersebut.⁸

Isu ini telah menjadi topik hangat dalam media arus perdana dengan memperlihatkan bahawa hubungan di antara Kesultanan Sulu dan juga Sabah pada abad ke-17 sehingga abad ke-20 adalah sangat rencam sehingga melibatkan ikatan yang rumit dalam hubungan di antara Sulu-Sabah dengan Brunei, Mindanao, Sepanyol, Belanda, Amerika dan juga British. Kerumitan ini telah menyebabkan

⁸ Norizan Binti Kadir, Danny Wong Tze Ken, *Kempen dan Propaganda Akhbar Tempatan Filipina Terhadap Isu Tuntutan ke Atas Borneo Utara, 1961-1963...*, hlm. 81.

pelbagai perjanjian dan juga protokol telah dilakukan.⁹ Walau bagaimanapun, pendirian Filipina terhadap isu Sabah telah mengalami perubahan secara perlahan-lahan disebabkan oleh faktor pertukaran pemimpin utama. Pemimpin yang baharu telah mula untuk menggunakan polisi yang lebih berkesan dengan mengetengah serta mengutamakan kerjasama dari segi sosioekonomi dengan Malaysia. Dalam hal ini, sikap dan juga pendirian presiden merupakan faktor utama yang membawa kepada berlakunya perubahan tersebut. Sebagai contoh, semasa Macapagal memerintah Filipina, beliau telah mengamalkan polisi untuk melakukan penuntutan ke atas Sabah. Hal tersebut dikatakan demikian kerana, sebelum beliau dilantik menjadi Presiden, beliau sudah mahir dan bergiat aktif dalam aktiviti penyelidikannya yang berkaitan dengan status dan kedaulatan sebenar Sabah.¹⁰

Era pemerintahan Marcos telah memperlihatkan bahawa beliau telah berjaya memulihkan hubungan diplomatik antara Filipina dan juga Malaysia. Walau bagaimanapun, hubungan tersebut telah terjejas semula apabila Malaysia mengetahui bahawa Filipina ingin melakukan misi pencerobohan ke atas Sabah. Keadaan tersebut telah menyebabkan trend tuntutan telah mengalami perubahan menjadi lebih unilateral dan radikal. Namun, semasa pemerintahan Corazon Aquino dan juga Fidel V. Ramos, trend tuntutan telah mengalami perubahan semula kerana kedua-dua pemerintah tersebut telah mengamalkan polisi *silent claim* atau lebih dikenali sebagai *backburner* dan *dormant claim* dalam melakukan penuntutan ke atas Sabah.¹¹

- i. Mengkaji bagaimanakah sejarah pemilikan wilayah Pantai Timur Sabah terhadap Kesultanan Sulu.
- ii. Apakah tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam konteks sejarah dan perundangan.

⁹ Bilcher Bala, *Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Ke atas Negeri Sabah, 1673-2013...*, hlm. 1.

¹⁰ Norizan Kadir, *Tuntutan Filipina ke Atas Sabah Dalam Hubungan Filipina-Malaysia, 1962-1998*, Thesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016, hlm. 5.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 6.

- iii. Sejauh manakah kesan langsung tuntutan Filipina ke atas Sabah.

1.3 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan, penelitian dalam kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa objektif kajian:

- i. Menelusuri sejarah pemilikan wilayah Pantai Timur Sabah terhadap Kesultanan Sulu.
- ii. Membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam konteks sejarah dan perundangan.
- iii. Membahaskan kesan langsung tuntutan Filipina ke atas Sabah.

1.4 Sorotan Literatur

Sorotan literatur berasal daripada perkataan english iaitu *literature review* yang bermaksud ulasan karya. Sorotan literatur merupakan bahan bertulis ilmiah sama ada bersifat teoretikal atau empirikal yang memperlihatkan pengetahuan terkini termasuklah penemuan substantif, sumbangan teori dan metodologi untuk topik yang tertentu. Sorotan literatur juga merupakan ringkasan menyeluruh dari penyelidikan sebelumnya mengenai sesuatu topik. Ia juga merupakan maklumat yang diperolehi daripada buku, jurnal, dokumen dan juga penyelidikan-penyelidikan lepas yang relevan dengan bidang penyelidikan tertentu.¹²

Selain itu, sorotan literatur juga perlu menghitung, menerangkan, meringkaskan, menilai secara objektif serta menjelaskan penyelidikan yang sebelumnya yang mana ia harus memberikan asas teori untuk penyelidikan dan

¹² Zamri Mahamod & Yahya Othman. 2017. *Penulisan Akademik Dalam Bidang Sains Sosial*. Bangi: UKM Press. hlm. 1.

membantu pengarang dalam menentukan sifat penyelidikannya. Sorotan literatur adalah berdasarkan kepada andaian yang diperolehi daripada pengetahuan yang terkumpul dan dari pengetahuan itulah manusia belajar serta membina sesuatu yang dikutip atau diambil daripada orang lain. Apabila menyebut tentang karya yang sebelumnya, hal ini telah jelas menunjukkan bahawa penulis telah membaca, menilai serta mengasimilasikan karya¹³ yang diambil sebelumnya ke dalam karya yang sedang dilakukannya. Berdasarkan kajian lepas, hasil terdahulu dikategorikan kepada dua aspek utama iaitu bentuk perjanjian penyerahan yang dilakukan oleh Sultan Jamalul Alam dengan Baron de Overback serta Alfred Dent dan alternatif yang dilakukan oleh Filipina untuk menuntut semula Sabah.

1.4.1 Bentuk perjanjian penyerahan yang dilakukan oleh Sultan Jamalul Alam dengan Baron de Overback serta Alfred Dent

Antara kajian terdahulu yang amat bersesuaian dengan konteks ini ialah hasil penulisan Bilcher Bala yang bertajuk "Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Ke atas Negeri Sabah, 1673-2013", beliau telah mengatakan bahawa pada 22 Januari 1878, sultan Sulu atau lebih dikenali sebagai Mohammed Jamalul Alam telah menandatangani satu perjanjian iaitu "pajakan kekal" dengan ejen British iaitu William Hood dan Baron Gistavos Von Overbeck. Sebelum itu, Sepanyol telah menyerang serta menakluk Kesultanan Sulu pada Disember 1850. Sultan Sulu pada masa itu ialah Pulalun Kiram (1844-1862) terpaksa menerima status untuk menjadi taklukan kuasa Sepanyol sehingga munculnya kuasa British di perairan laut Sulu pada tahun 1877. Sultan Jamalul Alam yang memerintah pada masa itu menganggap status Kesultanan Sulu adalah merdeka dan mereka memohon perlindungan daripada kuasa British. Hal tersebut telah menyebabkan Treacher yang merupakan selaku ejen British di Sabah telah menganjurkan satu perjanjian dengan sultan Kiram untuk menyerahkan wilayah Sabah. Hal ini telah

¹³ Maryam Azlan, Muzahid Baka, et.al. 2018. *Panduan Penulisan Akademik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. hlm. 1.

menyebabkan kuasa British mentafsir "pajakan kekal" sebagai satu penyerahan.¹⁴

Penulisan lain yang turut membincangkan secara khusus berkaitan bentuk perjanjian penyerahan ialah Hamdan Aziz dan Syahrin Aziz dalam artikel mereka yang bertajuk "Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan Dari Perspektif Sejarah dan Perundangan". Dalam artikel tersebut mereka telah mengatakan bahawa sebanyak \$5000 bayaran tahunan telah dipersetujui oleh Von Overbeck dan juga Kesultanan Sulu dalam perjanjian yang telah mereka tandatangani pada 22 Januari 1878. Di samping itu, kebanyakan sejarawan berpendapat perjanjian yang telah dilakukan oleh kedua-dua pihak tersebut bersifat pajakan dan tidak kekal selama-lamanya. Dalam hal ini, Von Overbeck dikatakan mempunyai hak yang jauh lebih tinggi berdasarkan kepada perjanjian yang dilakukan. Sultan Sulu juga telah mengatakan bahawa kawasan serahan adalah meliputi Sungai Pandasan sehinggalah Sungai Balik Papan. Untuk mengelakkan wujudnya permusuhan dengan Belanda, Von Overbeck telah bersetuju untuk menerima kawasan serahan hanya meliputi Sungai Sibuku dan perjanjian tersebut telah disaksikan oleh Treacher.¹⁵

Selain itu, terdapat juga penulisan daripada Norizan Kadir dan Danny Wong Tze Ken dalam artikel yang bertajuk "Kempen dan Propaganda Akhbar Tempatan Filipina Terhadap Isu Tuntutan ke Atas Borneo Utara 1961-1963", yang mengatakan bahawa akhbar Filipina telah membangkitkan isu Sabah dengan tujuan untuk membuat tuntutan semula ke atas Sabah serta disokong penuh oleh waris-warisan Sultan Sulu khususnya keluarga Kiram yang masih menyimpan dendam terhadap perjanjian penyerahan kawasan Pantai Timur Sabah pada 22 Januari 1878. Perjanjian tersebut telah memperlihatkan bahawa keseluruhan kawasan Sungai Pandasan di pantai barat sehingga Sungai Sibuku di timur telah diserahkan oleh Sultan Jamalul Alam kepada Von Overbeck. Dalam hal ini, penyerahan yang dilakukan menurut waris-warisan Sultan Sulu adalah bersifat pajakan sahaja yang

¹⁴ Bilcher Bala. 2015. Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Ke atas Negeri Sabah, 1673-2013. Universiti Malaysia Sabah. hlm. 2.

¹⁵ Hamdan Aziz, Syahrin Said. 2016. Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan Dari Perspektif Sejarah dan Perundangan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol. 9. No.2. hlm. 284.